

15/05/1999

Bon kedaulatan boleh dilanggan semua pihak

BON kedaulatan terbitan Malaysia terbuka untuk langganan semua pihak dan tidak dihadkan kepada negara atau pelabur tertentu, kata Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed.

Menurutnya, di samping mengalukan sebarang langganan mana-mana negara bagi terbitan sekuriti hutang itu, Malaysia tidak meletakkannya sebagai isu utama dalam perbincangan dua hala dengan menteri kewangan Apec sempena mesyuarat di Langkawi.

"Mungkin soal menjual bon ini akan turut disentuh (dalam perbincangan dua hala) seperti dengan Jepun (Menteri Kewangan, Kiichi Miyazawa)," katanya pada sidang akhbar di Langkawi, semalam.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan untuk menghantar tiga pasukan bagi memperkenalkan terbitan bon kedaulatan negara masing-masing diketuai Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin, Mustapa dan pegawai tertinggi Bank Negara.

Ditanya mengenai tindakan Malaysia mendaftar sehingga AS\$3 bilion, Mustapa berkata jumlah untuk terbitan dalam tempoh dua tahun itu sebagai persediaan awal andainya negara memerlukan dana melebihi AS\$2 bilion.

"Ini untuk menjimat kos kerana jika kita memerlukan dana melebihi AS\$2 bilion dalam tempoh dua tahun ini, kita tidak perlu membayar lebih semata-mata untuk mengemukakan dokumen tambahan bagi pendaftaran sekali lagi.

"Namun, buat permulaan kita akan menerbit AS\$2 bilion," katanya.

Bon adalah instrumen jangka panjang yang penerbitnya berjanji untuk membayar pokoknya pada masa matang dan faedah jangka masa tertentu, biasanya enam bulan sekali.

Mengenai kemungkinan Taiwan menyatakan kesediaan untuk membeli bon kedaulatan itu dalam pertemuannya dengan rakan sejawat dari negara itu pagi semalam, Mustapa berkata, tiada petunjuk dari Taiwan untuk berbuat demikian tetapi mengalu-alukannya andai ia berhasrat berbuat demikian.

Katanya, beliau sendiri akan memulakan pameran bergerak bagi mempromosi bon itu mulai, Isnin ini.

(END)